

Kenakan caj antara RM5 hingga RM10 untuk setiap kenderaan yang parkir

PATI jaga parkir haram dicekup

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
KUALA LUMPUR

Tindakan sekumpulan pendatang asing tanpa izin (PATI) meminta bayaran kepada pemandu yang hendak meletakkan kenderaan, akhirnya menerima padah apabila dicekup pihak berkuasa.

Kegiatan 'ulat' parkir itu dipercayai mengenakan caj sekitar RM5 hingga RM10 untuk setiap kenderaan.

Difahamkan, kegiatan itu dilakukan beberapa warga asing secara bergilir-gilir di lokasi sekitar ibu negara.

Bertindak hasil maklumat awam, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Kuala Lumpur melaksanakan Op Kutip KL Strike Force dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Isnin.

Pengarah JIM Kuala Lumpur, Wan Mohammed Saupee Wan Yusoff berkata, operasi dilaksanakan bermula jam 1 petang di dua lokasi di Bukit Bintang dan Jalan Berangan.

Katanya, sepanjang operasi, seramai 17 lelaki warga asing berusia lingkungan 20 hingga 30-an ditahan.

"Semakan mendapati 15 daripadanya ialah warga Myanmar manakala dua lagi warga Bangladesh," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.



Antara warga asing ditahan ketika mengutip parkir secara haram di ibu negara.

Beliau berkata, semua PATI didapati menjadi penjaga parkir haram.

Tambahnya, siasatan dijalankan untuk mengenal pasti sama ada kegiatan itu melibatkan sindiket lain, bayaran upah dan sebagainya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 dan

Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Terdahulu tular di media sosial satu klip video berdurasi satu minit 38 saat berhubung rungutan seorang warga tempatan berkaitan kehadiran PATI yang sesuka hati meminta bayaran tertentu di parkir awam.